

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah penggunaan aplikasi 'Price Catcher' dapat membantu pengguna dalam menangani kos sara hidup dan adakah terdapat sebarang perancangan Kementerian untuk mempromosikan aplikasi 'Price Catcher' agar rakyat umum mengetahui mengenai aplikasi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah membangunkan aplikasi mudah alih iaitu *Price Catcher* yang **relevan** dengan perkembangan teknologi di samping menambahbaik fungsi paparan harga di laman sesawang sedia ada. Aplikasi ini telah diperkenalkan bagi membantu rakyat menangani kos sara hidup dengan memanfaatkan maklumat pemantauan harga 432 barangan keperluan pengguna yang dikutip oleh 1,012 Pegawai Pemantau Harga (PPH) KPDNHEP di seluruh negara.

Aplikasi *Price Catcher* ini telah dibangunkan di atas platform Android dan iOS yang telah mula digunakan sejak 1 Jun 2017. Sehingga 18 Februari 2019, terdapat 83,432 pengguna yang telah memuat turun aplikasi ini. Seramai 65,260 (78.2%) adalah pengguna *Android* manakala baki 18,172 (21.8%) adalah pengguna *iOS*. Aplikasi ini membantu pengguna menjimatkan masa dalam membuat pilihan bijak melalui perbandingan harga sebelum membuat keputusan berbelanja dengan memilih premis yang menawarkan barangan pada harga yang berpatutan.

Di samping itu, Fungsi Komuniti di dalam aplikasi ini merupakan platform perkongsian harga barangan daripada pengguna. Capaian bagi perkongsian maklumat harga telah dibuka kepada semua pengguna berdaftar mulai Februari 2019.

Pengguna boleh menyalurkan maklumat harga barangan di premis yang menawarkan harga murah, harga promosi, harga berpatutan ataupun harga yang mahal dengan mengambil gambar barangan dan melengkapkan maklumat berkaitan nama barang tersebut, harga, nama premis dan maklumat berkaitan harga. Maklumat ini turut boleh diakses dan dimanfaatkan oleh pengguna aplikasi yang lain.